



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### KPWKM SERU MASYARAKAT LAPOR SEGERA KES KEGANASAN RUMAH TANGGA

**SEREMBAN, 26 JUN** - YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah turun melawat mangsa keganasan rumah tangga Puan Jahidah Binti Nordin, 43 tahun di kediaman keluarganya. Beliau menzahirkan rasa kesedihan yang amat mendalam dan empati terhadap nasib yang menimpa Puan Jahidah.

Dalam tinjauan tersebut, YB Datuk Seri Rina telah menyampaikan surat kelulusan **Bantuan Pesakit Terlantar sebanyak RM 500.00** yang akan diterima oleh Puan Jahidah pada setiap bulan. Bantuan ini **bagi menampung keperluan khusus Puan Jahidah yang sekarang sedang menjalani rawatan pemulihan di rumah**. Sebelum ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah mengambil tindakan segera menyatuni Puan Jahidah dengan penyaluran bantuan kewangan secara *one-off* melalui Tabung Bantuan Segera (TBS) sebanyak RM300.00 dan bantuan bakul makanan. JKM turut bekerjasama dengan Majlis Agama Negeri Sembilan (MAINS) bagi membantu meringankan beban mangsa.

**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat(KPWKM)** melalui **JKM** juga berperanan dalam **membantu Mangsa Keganasan Rumah Tangga** dengan **mendapatkan perintah perlindungan *interim (Interim protection order)*** dan **perintah perlindungan (*protection order*)** daripada mahkamah, **menyediakan tempat perlindungan, memberikan**

perkhidmatan kaunseling, memberikan khidmat nasihat dan bimbingan dan merujuk kepada Agensi lain yang berkaitan.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pusat Panggilan Talian Kasih, sebanyak **529 kes** keganasan rumah tangga telah diterima dan direkodkan sehingga 20 Jun 2021. Setiap aduan yang diterima akan disantuni oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Yang Diberi Kuasa (PKMDBK) di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) dan sentiasa memberi perlindungan kepada mangsa terutama semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini.

Dalam usaha memperkasa penyampaian perkhidmatan kepada mangsa keganasan rumah tangga, Kementerian melalui agensi di bawahnya seperti JKM dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) juga telah mengambil inisiatif melaksanakan projek rintis bersama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dalam menjadikan Masjid Sebagai Pusat Transit Keganasan Rumah Tangga.

Pada masa yang sama juga, YB Datuk Seri Rina juga turut menyantuni **5 beradik yang kehilangan ibu bapa akibat jangkitan virus COVID-19** di kediaman mereka Bandar Sunggala, Port Dickson, Negeri Sembilan. Kisah 5 beradik ini sangat menyentuh hati beliau. Selepas kematian kedua ibu bapa mereka, adik beradik malang ini, yang berumur 7 hingga 23 tahun, tinggal bersama nenek mereka yang berumur 74 tahun di rumah teres milik arwah bapa. JKM telah bertindak segera dengan menyalurkan bantuan kewangan sebanyak RM300.00 melalui Tabung Bantuan Segera serta menyerahkan bakul makanan pada 22 Mac dan 8 Jun 2021. Dalam tinjauan ini juga, **YB Menteri telah menyerahkan surat kelulusan Bantuan Kanak Kanak sebanyak RM300.00 kepada 2 beradik yang masih bersekolah** dan juga memberikan khidmat nasihat dan kaunseling kepada mereka.

Saya berharap masyarakat turut menjadi “mata dan telinga” kepada pihak Kerajaan, dan terus memupuk sikap ambil peduli dan melaporkan sebarang kecurigaan terutama kes keganasan rumah tangga yang berlaku di kawasan kediaman masing-masing kepada pihak berkuasa. Masyarakat juga diseru untuk melaporkan terus sebarang kejadian yang diragui **ke Talian Kasih 15999 dan Talian Whatsapp 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam atau menghubungi Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah yang berhampiran dan pihak Polis Diraja Malaysia.**

**#Lindung Diri, Lindung Semua.**